

# SISWA USIM BINCANG WARISAN DUNIA DI QATAR

**S**ATU pengalaman bermakna bagi Mohd. Iqmal Hisham Kamarudin, pelajar tahun akhir jurusan Perakaunan dari Fakulti Ekonomi dan Muamalat (FEM), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) apabila dipilih mewakili Malaysia ke World Heritage Youth Forum di Qatar baru-baru ini.

Dia dipilih bersama belia antarabangsa lain yang mewakili 21 kerusi ahli jawatankuasa Pertubuhan Pendidikan, Sainifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) semasa iaitu Algeria, Colombia, Croatia, Finland, Jerman, India, Jamaica, Jepun, Kazakhstan, Korea, Lebanon, Peru, Filipina, Poland, Portugal, Qatar, Senegal, Serbia, Turki dan Vietnam.

Persidangan yang turut dihadiri oleh negara jempunan seperti Bahrain, Mesir, Kuwait, Mauritania, Morocco, Oman, Palestin, Arab Saudi dan Sudan itu merupakan satu simulasi yang menyerupai persidangan UNESCO, tetapi ia hanya melibatkan golongan belia yang mewakili negara masing-masing. Persidangan kali ini merupakan kali ketiga seumpamanya diadakan selepas persidangan belia pertama di Kazan, Rusia diikuti Siem Riep, Kemboja sebagai tuan rumah.

Menurut Mohd. Iqmal, program berkenaan mempunyai beberapa objektif iaitu memberi kefahaman mengenai Konvensyen 1972 dan cabaran pelaksanaannya, meningkatkan kesedaran terutamanya bagi golongan belia mengenai budaya dan warisan negara masing-masing serta menerangkan peranan arkeologi awam dan masyarakat setempat dalam pengurusan warisan. Ia juga bertujuan melahirkan golongan belia dengan kepakaran berkaitan bagi tujuan pemuliharaan dan pemeliharaan serta mendedahkan golongan belia mengenai kaedah jawatankuasa UNESCO bekerja.

"Simulasi persidangan kali ini berlangsung selama empat hari dengan mengambil format daripada persidangan sebenar. Ia dimulakan dengan ucapan pembukaan oleh setiap wakil dari setiap kerusi tetap dan kemudiannya



**BELIA** dari 21 negara yang menyertai Forum Warisan Dunia Remaja di Qatar baru-baru ini.



**FORUM** Warisan Dunia Remaja kali ini menampilkan perbezaan apabila setiap wakil perlu mewakili negara ahli yang lain.

pembentangan serta perdebatan agenda sehingga pengundian bagi mengesahkan kenyataan bersama sebelum diakhiri dengan penutupan persidangan yang membentangkan kenyataan bersama di pembukaan Persidangan Jawatankuasa Warisan Dunia Kali Ke-38.

"Persidangan kali ini menampilkan sedikit perbezaan apabila wakil-wakil

bagi setiap negara ahli mestilah mewakili negara ahli yang lain. Saya sendiri telah ditugaskan mewakili negara Jamaica. Ini satu peluang dan pendedahan yang amat menarik," katanya kepada *.com*.

Tambahnya, persidangan itu turut membincangkan beberapa isu berbangkit termasuk tapak warisan dunia yang diancam bahaya, pertindihan tapak warisan di antara dua negara, kedatangan

pelancong yang tidak seimbang ke setiap tapak warisan dan jumlah sekolah UNESCO yang masih sedikit iaitu 54 buah berbanding 981 tapak warisan yang diisytiharkan di seluruh dunia.

Menjadi duta kecil Malaysia ke Qatar, Mohd. Iqmal dan delegasi lain turut bertukar-tukar keunikan berkaitan tapak warisan negara masing-masing dalam satu sesi pembentangan khas. Malaysia sehingga kini mempunyai beberapa tapak warisan dunia iaitu Taman Negara Mulu, Sarawak; Taman Negara Kinabalu, Sabah; Melaka Bandaraya Bersejarah; Tapak Arkeologi Lenggong, Perak dan Georgetown, Pulau Pinang.

"Selain persidangan dan pembentangan, kami juga dibawa melawat beberapa lokasi sejarah dan menarik di Qatar seperti Al-Zubarah Fort, Tapak Arkeologi Al-Zubarah, Tapak Istana Lama Doha, Perkampungan Budaya Katara, Muzium Kesenian Islam (MIA), Souq Waqif dan mengikuti Bengkel Pemuliharaan Barangan Tinggalan Sejarah.

"Harapan saya agar pelaksanaan persidangan belia ini mampu menjadi asas sumbangan golongan belia dalam pengurusan, pemuliharaan dan pemeliharaan warisan budaya dan tapak warisan dunia, seterusnya membuka lebih banyak ruang kepada golongan belia untuk sama-sama memperjuangkan kepentingan warisan budaya dan tapak warisan dunia," katanya.



**MOHD. Iqmal** menerangkan tentang keunikan tapak warisan di Malaysia kepada delegasi.



**PERWAKILAN** melakukan pelbagai aktiviti termasuk melawat lokasi bersejarah dan menarik di Qatar.